

E-BULETIN



JABATAN KEJURUTERAAN AWAM



1 China-ASEAN High Quality Development Forum of Architectural Vocational Education

2 CIVIL ENGINEERING EXPO 2024 (CIVEX' 2024)

3 PSAS GOES GREEN 2024

4 PERTANDINGAN KEMAHIRAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (PolyCCskills)

Sidang REDAKSI

Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, dengan izin-Nya, edisi 04 e-Buletin JKA dapat diterbitkan sekali lagi. Saya mewakili pihak redaksi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang telah memberikan sokongan serta sumbangan dalam menjayakan penerbitan kali ini.

Edisi ini merupakan hasil usaha dan komitmen bersama, dan tanpa sumbangan idea serta bahan daripada para pensyarah, staf, dan pelajar, tidak mungkin ia dapat direalisasikan. Kami amat menghargai segala usaha dan sokongan anda dalam memastikan e-Buletin JKA terus menjadi platform perkongsian ilmu dan maklumat yang bermanfaat.

Kami berharap agar e-buletin ini terus menjadi sumber inspirasi dan rujukan kepada semua. Semoga kita terus maju dan berkembang dalam menyampaikan informasi yang berguna kepada komuniti JKA.

Sekian, terima kasih dan salam hormat daripada kami di pihak redaksi.

#EBuletinJKA

Marshitah Muhamad
Ketua Editor

Dr. Halina Binti Hamid
Editor

Ucapan KETUA JABATAN

Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera,

Syukur alhamdulillah, kita telah menerbitkan e-buletin Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Sultan Azlan untuk edisi 2024. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah memberikan sumbangan dan kerjasama dalam memastikan penerbitan e-buletin ini dapat diteruskan dengan jayanya.

Tahun 2024 ini menyaksikan pelbagai cabaran, dugaan dan perkembangan yang mengujakan dalam bidang kejuruteraan awam ini. Di samping kemajuan teknologi yang pesat, pihak jabatan akan terus komited untuk memperkukuhkan lagi pencapaian akademik, penyelidikan, dan inovasi dalam pelbagai bidang kejuruteraan ini. Kerjasama yang erat antara tenaga pengajar, pelajar, dan pihak industri juga terus diperhebatkan untuk memastikan kelestarian dan kualiti pendidikan yang telah ditawarkan.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun ini. Dengan sokongan yang padu, pelbagai projek dan pencapaian yang membanggakan berjaya direalisasikan. Semoga tahun 2024 membawa lebih banyak peluang dan kejayaan kepada semua warga Jabatan Kejuruteraan Awam. Saya berharap e-buletin ini dapat menjadi platform yang bermanfaat untuk perkongsian maklumat, pencapaian, dan aktiviti yang telah dan akan dilaksanakan. Semoga usaha kita bersama akan terus membuahkan hasil yang gemilang.

Terima kasih atas sokongan dan kerjasama semua.
Sekian,



DR. HALINA BINTI HAMID
KETUA JABATAN KEJURUTERAAN AWAM
POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH

Pengurusan Tertinggi JABATAN KEJURUTERAAN AWAM



Dr. Halina Binti Hamid
Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam



Saedah@Saedatulfirdaus
Binti Sa'arani
Ketua Program
Kejuruteraan Awam



Nur Farhanna Binti
Ibrahim
Ketua Program
Kejuruteraan
Perkhidmatan Bangunan



Nurul Aqilah Binti Ibrahim
Ketua Program
Ukur Bahan

ISI KANDUNGAN

01

TAKLIMAT OUTCOME BASED EDUCATION
JABATAN KEJURUTERAAN AWAM
Dr. Norleeza Binti Muhammad

02

KEPENTINGAN REKREASI DALAM
PENGURUSAN STRESS
Marshitah Binti Muhamad

03

AKTIVITI GOTONG ROYONG DI JABATAN
KEJURUTERAAN
Haslinda Binti Abd Aziz

04

MESYUARAT JAWATANKUASA PENASIHAT
INDUSTRI (JPI) PROGRAM DKA, DUB & DPB
Saedah @ Saedahtulfirdaus Binti Saáran

05

INDUSTRY ENGAGEMENT DIALOGUE ON
ROLES OF TVET IN ADVANCE TECHNOLOGY
AND ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY
Dr. Halina Binti Hamid

06

BASIC OF BUILDING INFORMATION
MODELLING (BIM) FOR ARCHITECTURE
Nurulzamrina binti Ahmad

07

LAWATAN PENANDAARASAN AKADEMIK KE
STUDIO BIM KOLEJ KOMUNITI SABAK BERNAM
Aniza Binti Tahir

08

PROGRAM PENTAULIAHAN PROFFESIONAL
DALAM PEMODELAN MAKLUMAT BANGUNAN
Nurulzamrina binti Ahmad

09

PROGRAM PENTAULIAHAN PROFESIONAL
DALAM IBS
Sr Ts. Mohammad Anuar Bin Safian

10

CHINA-ASEAN HIGH QUALITY DEVELOPMENT
FORUM OF ARCHITECTURAL VOCATIONAL
EDUCATION AND EXHIBITION OF SUCCESSFUL
COOPERATIVE PROGRAMS
Dr. Chai Teck Jung

ISI KANDUNGAN

- 11** THE INTERNATIONAL LEARNING INNOVATION COMPETITION 2024
Muhammad Sukri Bin Abd Hamid
- 12** PERTANDINGAN INOVASI PEMBELAJARAN PERINGKAT ANTARABANGSA
Nurul Aqilah Binti Ibrahim
- 13** MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BIL 8/2024 & SAMBUTAN HARI INTEGRITI NASIONAL 2024
Haslinda Binti Abd Aziz
- 14** CIVIL ENGINEERING EXPO' 2024
Nur Qiam Farhana Binti Adnan
- 15** CAECW & LOI SIGNING CEREMONY ANTARA PSAS DENGAN GUIZHOU POLYTECHNIC OF CONSTRUCTION (GZPC), CHINA
Dr. Chai Teck Jung
- 16** PROGRAM MOBILITI PELAJAR DAN PENSYARAH PSAS KE POLITEKNIK KUTARAJA DAN UNIVERSITAS MUHAMMADIYAH ACEH
Ernisuhani Binti Mohamad Zamri@Zam
- 17** BENGKEL NOTE MAKING, NOTE TAKING & READING SKILLS PROGRAM DPB & DUB
Siti Janariah Binti Jantan
- 18** CSR PROGRAM DPB BERSAMA BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT SLIM RIVER
Siti Janariah Binti Jantan
- 19** LAWATAN AKADEMUK KE LOJI KUMBAHAN BANDAR TUN RAZAK, KUALA LUMPUR
Raja Norazilla Binti Raja Yunus
- 20** PSAS GOES GREEN 2024 GREEN TREASURE RACE
Siti Sara Binti Yaacob@Zubir

ISI KANDUNGAN

- 21** PERTANDINGAN KEMAHIRAN POLITEKVIK DAN KOLEJ KOMUNITI (PolyCCSkills)
Hidanah Binti Mohamad Yunus
- 22** PROGRAM OUTREACH KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT) @ SELANGOR 2024
Nurfarhanna Binti Ibrahim
- 23** CSR KESEDARAN DAN INSPIRASI LINDUNGI ALAM SEKITAR
Fitriyah Binti Mohd Roslan
- 24** CONSTRUCTION MATERIAL USED IN SLOPE MAINTENANCE WORKS DCC10032 CIVIL ENGINEERING MATERIALS
Hidanah Binti Mohd Yunus
- 25** HARI INOVASI PPAL 4.0 UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
Hidanah Binti Mohd Yunus
- 26** PROJEK PENYELENGGARAAN TANDA KELUAR KECEMASAN BAGI PROGRAM AUTHENTIC LEARNING DPB
Noraimi Binti Ahmad
- 27** CSR SG KEDONDONG, BATANG KALI SELANGOR
Nor Afzila Binti Mohamad
- 28** INTRODUCTION TO CONSTRUCTION TECHNOLOGY
Zazurah Binti Mat Zuini
- 29** BENGKEL CQI PENULISAN LAPORAN TEKNIKAL & KEMAHIRAN KOMUNIKASI UNTUK KURSUS DUT600610
Hidanah Binti mohd Yunus
- 30** KURSUS REKABENTUK SISTEM PENYAMAN UDARA DALAM BANGUNAN
Aryuziyanti Binti Mohd Nor



ISI KANDUNGAN

- 31** QS CAMP 2024
Nur Qiam Farhana Binti Adnan
- 32** INTERNATIONAL HIGHEST EARLY STRENGTH
ECO-GREEN CONCRETE CUBE COMPETITION
2024
Fauziah Binti Aziz
- 33** PROJEK PEMBINAAN RAINWATER
HARVESTING SYSTEM
Marshitah Binti Muhamad
- 34** HARI PERTANDINGAN INOVASI &
PEMBENTANGAN PROJEK (HAPIPP) SESI 1 :
2024/2025
Azmi Bin Mohamad
- 35** BENGKEL PENGGUNAAN KALKULATOR SAINTIFIK
Yogadevi A/P Subramaniam
- 36** KLINIK MEASUREMENT 2.0
Nur Qiam Farhana Binti Adnan
- 37** MAJLIS PRA GRADUAN JKA
Nurulzamrina Binti Ahmad
- 38** MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI JKA
Haslinda Binti Abd Aziz
- 39** TEAM BUILDING DKA5A BERSAM PA
'TEAMWORK CAN BUILD FRIENDSHIPS THAT
LAST A LIFETIME'
Nurulzamrina Binti Ahmad
- 40** CABARAN HIDROLOGI MALAYSIA- AIR, BANJIR
DAN PERUBAHAN IKLIM
MAZLINA BINTI MAT RABI
- 41** SISTEM PERLINDUNGAN KEBAKARAN DI
DALAM BANGUNAN
Noraimi Binti Ahmad
- 42** KPI JKA
Azirah Binti Adnan

TAKLIMAT OUTCOME BASED EDUCATION JABATAN KEJURUTERAAN AWAM

Oleh ; Dr. Norleeza Binti Muhammad

Taklimat Outcome Based Education (OBE) dilaksanakan adalah untuk menambah pengetahuan & pendedahan kepada tenaga pengajar di JKA mengenai kaedah bagi menambahbaik pelaksanaan proses PdP berdasarkan panduan dari OBE



KEPENTINGAN REKREASI DALAM PENGURUSAN STRESS

Oleh : Marshitah Binti Muhamad

Kursus ini diadakan bagi memberi pendedahan kepada pensyarah JKA bagaimana penglibatan dalam rekreasi mampu untuk menangani stress di tempat kerja. Kursus ini akan diadakan selama satu hari iaitu pada 23 Januari 2024 dan melibatkan seramai 32 orang staf Jabatan Kejuruteraan Awam, PSAS. Antara pengisian kursus ini adalah berkaitan dengan kepentingan rekreasi, kawalan stress dan konflik dan hubungan rekreasi dalam mengatasi tekanan dan konflik.



AKTIVITI GOTONG ROYONG DI JABATAN KEJURUTERAAN

Oleh : Haslinda Binti Abdul Aziz

Aktiviti gotong royong di JKA yang diadakan bagi menceriakan kawasan di Foyer, ruang kerja dan kebuniti JKA sebelum sesi baru bermula. Dalam erti kata lain, rasionalnya aktiviti ini dibuat adalah untuk memupuk semangat perpaduan, menjamin kebersihan persekitaran, memudahkan tugas atau kerja dan mewujudkan persekitaran yang cantik dan teratur. Semua pensyarah yang terlibat telah memberi kerjasama yang bagus.




MESYUARAT JAWATANKUASA PENASIHAT INDUSTRI (JPI) PROGRAM DKA, DUB & DPB

Oleh : Saedah @ Saedahtulfirdaus Binti Saárani

Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Industri (JPI) bertujuan mendapatkan maklumat terkini keperluan industri dalam melahirkan graduan TVET yang berkualiti. Pelantikan Jawatankuasa Penasihat Industri di politeknik dilihat sebagai suatu instrumen merapatkan hubungan jaringan kolaborasi yang baik di antara pihak industri, alumni dan JKA PSAS.

Program DKA, DUB dan DPB Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) telah melantik Penasihat Industri dan alumni daripada kalangan badan profesional industri yang mempunyai pengalaman luas serta mampu memberikan input kepada politeknik. Melalui program JPI ini, jaminan kualiti bagi memastikan program akademik yang ditawarkan kekal relevan, dinamik dan berdaya saing dapat diteruskan ke arah memperkasakan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional. Selain itu, untuk memastikan kurikulum sedia ada dapat memenuhi keperluan pasaran dan graduan yang dihasilkan mempunyai ciri keterampilan yang selaras dengan keperluan pihak industri yang sedang menuju ke arah IR 4.0.



INDUSTRY ENGAGEMENT DIALOGUE ON ROLES OF TVET IN ADVANCE TECHNOLOGY AND ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY

Oleh : Dr. Halina Binti Hamid

Industry Engagement Dialogue on Roles of TVET In Advance Technology and Environmental Sustainability merupakan antara komponen utama acara tahunan TVET Hub & Industry Engagement: Dialogue, Symposium and Exhibition (THIE2024) bersempena dengan karnival TVET negeri Perak 2024 ini telah berlangsung pada 30 Mei 2024 di Dewan Muallim, Politeknik Sultan Azlan Shah. Program ini merupakan kerjasama di antara Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK), agensi kerajaan negeri Perak dan Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS). Jabatan Kejuruteraan Awam telah diamanahkan sebagai jawatankuasa forum dalam mengurus kelancaran sesi dialog yang dilaksanakan. Panel jemputan yang terlibat adalah En Megat Yaser Razman B Muhammad Razali dari Zecon Medicare Sdn Bhd, En Faizal B Fadzil dari Mechabotic Enterprise, En Muhd Muhtazam B Noor Din dari Malaysia Green Technology and Climate Change Corporation (MGTCC) dan Pn Aishah Binti Daniyal dari Tenaga Nasional Berhad (TNB). Moderator bagi forum adalah dalam kalangan pensyarah PSAS iaitu En Sharizal B Shamsudin dan Dr Muhammad Firdaus B Mohd Zublie. Forum ini telah mengupas mengenai TVET pemacu teknologi terkini dalam industri serta TVET dalam menyokong kelestarian Alam Sekitar. Forum ini secara tidak langsung dapat memberi pendedahan dan pengetahuan kepada peserta forum yang terdiri dari pelajar, kakitangan PSAS serta komuniti setempat.



BASIC OF BUILDING INFORMATION MODELLING (BIM) FOR ARCHITECTURE

Oleh : Nurulzamrina binti Ahmad

Pemodelan Maklumat Bangunan atau Building Information Modelling (BIM) merupakan teknologi pemodelan dan satu set proses berkait untuk menghasilkan, komunikasi, analisis dan penggunaan informasi daripada model digital sepanjang kitar hidup projek pembinaan dari rekabentuk, bina dan operasi atau Design, Build and Operate.

Tenaga pengajar untuk kursus ini ialah En. Sharizal Bin Shamsudin (Penceramah), En. Khairul Anuar Bin Abdul Manap (Fasilitator), Pn. Nurulzamrina binti Ahmad (Fasilitator) dan En. Yusri bin Mad Din (Fasilitator). Pada kusus ini, peserta diajarkan menggunakan Autodesk Revit 2024 dan pembelajaran hanya untuk membuat Architecture Modelling. Ia adalah BIM Level 1 (Modelling) iaitu penggunaan perisian atau software pemodelan 3D berasaskan objek sebenar di dalam setiap sesama (intra-) disiplin kerja untuk sesebuah projek.

Peserta kursus ini adalah seramai 13 orang daripada pelbagai agensi dan industri seperti Pejabat Daerah dan Tanah Muallim, Gongmas Resources, Vivahomes Cheras Group, Maju Sabar Enterprise, SYS Global Resources, SYS Rich Ventures, UTHM dan Pestech Sdn Bhd.



LAWATAN PENANDAARASAN AKADEMIK KE STUDIO BIM KOLEJ KOMUNITI SABAK BERNAM

Oleh : Aniza Binti Tahir

Program lawatan penandaarasan akademik ke studio BIM Kolej Komuniti Sabak Bernam ini melibatkan 26 orang pensyarah dan staf di Politeknik Sultan Azlan Shah. Para pensyarah dan staf yang mengikuti program ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan prasarana dan kemudahan studio BIM di KKSB. Program lawatan penandaarasan ini juga adalah bertujuan untuk:

1. Mewujudkan hubungan kerjasama di antara PSAS dan KKSB dengan mengadakan perbincangan dan perkongsian dari sudut pelaksanaan proses pengajaran & pembelajaran khususnya bagi kursus BIM.
2. Meninjau prasarana dan kemudahan studio BIM di KKSB.
3. Mendapatkan gambaran dan maklumat berkaitan rekabentuk dan spesifikasi studio BIM di KKSB



PROGRAM PENTAULIAHAN PROFFESIONAL DALAM PEMODELAN MAKLUMAT BANGUNAN (BIM)

Oleh : Nurul Zamrina Binti Ahmad

Program 'Pensijilan Professional BIM' ini adalah pentauliahan kepada peserta yang berkelayakan untuk mendapatkan sijil pengiktirafan daripada badan-badan professional yang dikitiraf iaitu CIDB MyBIM, dan AUTODESK. Program ini dilaksanakan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, selama 95 hari bermula dari 26.11.2023 sehingga 28.02.2024. Seramai empat orang pensyarah di JKA, PSAS telah berjaya mengikut program ini iaitu En. Sharizal bin Shamsudin, En. Yusri bin Mat Din, En. Khairul Anuar bin Abdul Manap dan Pn. Nurulzamrina binti Ahmad



PROGRAM PENTAULIAHAN PROFESIONAL DALAM IBS

Oleh : Sr Ts. Mohammad Anuar Bin Safian

Kursus Pentauliah Professional dalam Sistem Binaan Berindustri (IBS) yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan peserta dalam teknologi pembinaan moden. Kursus ini direka khas untuk memenuhi keperluan industri pembinaan yang semakin berkembang dengan menekankan penggunaan komponen pratuang dan teknik pembinaan yang efisien. Melalui kursus ini, peserta akan didedahkan kepada pelbagai aspek IBS termasuk reka bentuk, pengeluaran, dan pemasangan komponen IBS. Selain itu, kursus ini juga menyediakan latihan praktikal yang komprehensif untuk memastikan peserta dapat mengaplikasikan pengetahuan yang diperolehi dalam situasi sebenar. Dengan pentauliah ini, peserta bukan sahaja meningkatkan kebolehpasaran mereka dalam industri pembinaan tetapi juga menyumbang kepada pembangunan sektor pembinaan yang lebih mampan dan inovatif di Malaysia.



CHINA-ASEAN HIGH QUALITY DEVELOPMENT FORUM OF ARCHITECTURAL VOCATIONAL EDUCATION AND EXHIBITION OF SUCCESSFUL COOPERATIVE PROGRAMS

Oleh : Dr. Chai Teck Jung

Program China-ASEAN High Quality Development Forum of Architectural Vocational Education and Exhibition of Successful Cooperative Programmes merupakan forum yang dianjurkan sempena 2024 China-ASEAN Education Cooperation Week (CAECW). Ia telah dianjurkan oleh Guizhou Polytechnic of Construction, Jiangsu Vocational Institute of Architectural Technology, Guangdong Construction Polytechnic, Zhejiang College of Construction, Sichuan College of Architectural Technology, Inner Mongolia Technical College of Construction and Qinghai College of Architectural Technology di tapak tetap hos kawasan baru Gui'an, wilayah Guizhou di Barat Daya China pada 25-26 Ogos 2024 dengan tema forum "Perbaharui kehidupan melalui pembaharuan bandar". Forum ini telah membincangkan penerokaan inovatif dan pengalaman praktikal pembaharuan bandar dari perspektif antarabangsa dan tempatan..



Forum ini bertujuan untuk mengukuhkan pertukaran, kerjasama dan pembangunan bersama antara China dan negara-negara ASEAN dalam bidang pendidikan vokasional seni bina. Forum ini diharapkan dapat mempromosikan pembangunan berkualiti tinggi pendidikan vokasional seni bina di China dan negara-negara ASEAN dengan berkongsi pencapaian, pengalaman dan cadangan untuk penambahbaikan. Antara objektif forum ini adalah mewujudkan kerjasama dan platform pertukaran berkualiti tinggi untuk kolej vokasional dalam bidang seni bina dan menggalakkan perkongsian sumber dan pembangunan bersama unit ahli perikatan, meneroka mekanisme untuk memupuk bakat dengan berkongsi pengalaman inovatif dan praktikal latihan bakat dalam bidang pendidikan vokasional dalam industri pembinaan di China dan negara-negara ASEAN agar dapat meningkatkan kualiti dan tahap pencungkilan bakat baru, sebagai penggalak amalan integrasi industri dan pendidikan yang berkesan dengan berkongsi pengalaman kejayaan, membincangkan pembangunan industri pembinaan pintar untuk meningkatkan tahap kerjasama antara industri, akademik dan penyelidikan dalam pendidikan vokasional dalam pembinaan industry dan memberi perkhidmatan kepada transformasi perumahan dan pembangunan di kawasan bandar dan juga luar bandar.



Dalam forum ini, Majlis Pelancaran sebagai ahli perikatan “Industri Pendidikan Vokasional Senibina China-Negara ASEAN-Komuniti Integrasi Pendidikan” telah dilancarkan. Dalam majlis pelancaran ini, Pengarah Politeknik Sultan Azlan Shah iaitu Ts. Mohd Zulkefli Bin Ibrahim telah sama-sama melancarkannya bersama para ahli perikatan daripada China dan juga negara ASEAN.

Secara keseluruhannya, forum ini telah berjaya mencapai sasarannya iaitu mengukuhkan kerjasama, pertukaran dan pembangunan pendidikan vokasional seni bina di kalangan perwakilan China-Negara ASEAN. Forum ini akan terus dianjurkan pada tahun 2025 di Guizhou dengan harapan perkongsian maklumat dan kerjasama yang lebih erat dalam pendidikan vokasional senibina.



THE INTERNATIONAL LEARNING INNOVATION COMPETITION 2024

Oleh : Mohammad Sukri Bin Abd Hamid

The International Learning Innovation Competition 2024 atau dikenali sebagai Pertandingan Inovasi Pembelajaran Peringkat Antarabangsa 2024 (PIP2024) telah dianjurkan oleh Pusat Pengajaran dan Pembelajaran Universiti (UTLC) di Universiti Utara Malaysia pada 7 hingga 9 Oktober 2024. Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam iaitu Puan Azirah Binti Adnan dan Encik Muhammad Sukri Bin Abdul Hamid telah memperolehi Silver Award dalam pertandingan tersebut dengan tajuk inovasi SURVEYOR MEMORY MASTER. Produk ini direka khusus untuk merevolusikan pengajaran dan pembelajaran dalam program ukur bahan melalui pendekatan permainan dalam pendidikan. Permainan ini dapat meningkatkan pengetahuan pelajar mengenai teori, teknologi pembinaan dan prinsip pengukuran kuantiti dengan mengintegrasikan pelbagai pengetahuan teknikal dari industri pembinaan. Produk ini juga telah menjadikan penguasaan topik yang kompleks lebih menyenangkan dan berkesan serta ideal untuk digunakan sebagai pengajaran dalam bilik darjah serta pembelajaran sendiri oleh para pelajar.



PERTANDINGAN INOVASI PEMBELAJARAN PERINGKAT ANTARABANGSA

Oleh : Nurul Aqilah Binti Ibrahim

The International Learning Innovation Competition 2024 atau dikenali sebagai Pertandingan Inovasi Pembelajaran Peringkat Antarabangsa 2024 (PIP2024) telah dianjurkan oleh Pusat Pengajaran dan Pembelajaran Universiti (UTLC) di Universiti Utara Malaysia pada 7 hingga 9 Oktober 2024. Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam iaitu Puan Azirah Binti Adnan dan Encik Muhammad Sukri Bin Abdul Hamid telah memperolehi Silver Award dalam pertandingan tersebut dengan tajuk inovasi SURVEYOR MEMORY MASTER. Produk ini direka khusus untuk merevolusikan pengajaran dan pembelajaran dalam program ukur bahan melalui pendekatan permainan dalam pendidikan. Permainan ini dapat meningkatkan pengetahuan pelajar mengenai teori, teknologi pembinaan dan prinsip pengukuran kuantiti dengan mengintegrasikan pelbagai pengetahuan teknikal dari industri pembinaan. Produk ini juga telah menjadikan penguasaan topik yang kompleks lebih menyenangkan dan berkesan serta ideal untuk digunakan sebagai pengajaran dalam bilik darjah serta pembelajaran sendiri oleh para pelajar.



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BIL 8/2024 DAN SAMBUTAN HARI INTEGRITI NASIONAL 2024

Oleh : Haslinda Binti Abd Aziz

Perhimpunan Bulanan merupakan satu perhimpunan dalam kalangan warga Politeknik Sultan Azlan Shah. Perhimpunan Bulanan biasanya diadakan bagi menyampaikan maklumat-maklumat penting secara terus kepada warga PSAS berkenaan amanat-amanat, serta penyampaian sijil penghargaan dan sebagainya.

Sempena SAMBUTAN HARI INTEGRITI NASIONAL 2024, Pada aktiviti perhimpunan Bulanan kali ini telah dislotkan dengan ceramah yang bertajuk Teguh Integriti ,Kukuh Pertiwi yang disampaikan oleh Penguasa Mohammad Rozli Bin Yusuf, Ketua Cawangan Pendidikan Masyarakat Suruhanjaya ,Pencegahan Rasuah Malaysia, Negeri Perak.





CIVEX

2024

CIVIL ENGINEERING EXPO 2024 (CIVEX' 24)

Oleh : Nur Qiam Farhana Binti Adnan




Program Civil Engineering Expo (CivEx) merupakan program tahunan terbesar dan berimpak tinggi yang dianjurkan oleh Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) bermula pada tahun 2017. Pengisian program ini adalah pelbagai aktiviti yang dapat memenuhi Key Performance Indicator (KPI) jabatan samada akademik dan bukan akademik di samping dapat mengukuhkan hubungan kolaborasi bersama industri, institusi pengajian lain dan juga komuniti setempat.

Antara aktiviti yang dilaksanakan pada program CivEx adalah seperti Program Pensyarah Pelawat Industri (PPI), program keusahawanan, pertandingan berbentuk kemahiran dan juga focus group dialogue.

Untuk penganjuran pada tahun 2024 (CivEx'24), program Civil Engineering Expo (CivEx'24) Peringkat Kebangsaan anjuran bersama Politeknik Sultan Azlan Shah dan Pejabat Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Negeri Perak telah menyediakan pelbagai aktiviti dengan berfokuskan

objektif yang sama dengan beberapa penambahan aktiviti berimpak tinggi yang lain dan dikelaskan mengikut empat kategori utama iaitu akademik, aktiviti pelajar, Corporate Sosial Responsibility (CSR) dan juga pameran dari agensi yang berkaitan. Di samping itu, program CivEx'24 juga diadakan bersempena dengan tahun melawat Perak yang mana ianya juga akan menarik kehadiran pengunjung dari dalam dan luar negeri Perak yang secara tidak langsung dapat menjana pendapatan bagi negeri ini.


Program CivEx'24 yang akan dilaksanakan selama empat hari berturut-turut ini dan telah majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Negeri Perak, YB Tuan Khairuddin bin Abu Hanipah. Pada masa sama, YB Tuan Khairuddin bin Abu Hanipah turut melawat gerai pameran dan menyampaikan sijil penghargaan kepada pempamer yang terlibat serta memberi sumbangan sebanyak RM10,000.00 kepada PSAS.



Beliau juga sempat menyaksikan pertandingan Popsicle Water Tank Challenge. Manakala majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pengarah PSAS, Ts. Mohd Zulkefli bin Ibrahim. Pemenang Tempat Pertama bagi setiap kategori telah menerima hadiah berupa wang tunai, sijil penyertaan dan Goldbar serta hamper.

Terima kasih diucapkan kepada pihak penaja program ini iaitu:

1. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan, Negeri Perak;
2. KAB Goldynamics Sdn Bhd;
3. YB ADUN Kawasan Behrang;
4. Perunding Azizi;
5. Edaran Tan Chong Motor (Utara) Sdn. Bhd. (Nissan); dan
6. Sfaera Dunia Sdn. Bhd. (Maxis)





2024 CHINA-ASEAN EDUCATION COOPERATION WEEK (CAECW)-BUILDING INFORMATION MODELLING COMPETITION (BIM) & LOI SIGNING CEREMONY ANTARA POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH (PSAS) DENGAN GUIZHOU POLYTECHNIC OF CONSTRUCTION (GZPC), CHINA

Oleh : Dr Chai Teck Jung



Program 2024 China-ASEAN Education Cooperation Week (CAECW) telah dirasmikan di tapak tetap hos kawasan baru Gui'an, wilayah Guizhou di Barat Daya China pada 21 Ogos 2024 dan pertandingan Building Information Modelling (BIM) merupakan salah satu sub-acara yang dianjurkan oleh Guizhou Polytechnic of Construction, Zhejiang College of Construction, Shandong Business of Institute, Guizhou Education Association for International Exchange dan Guizhou Association of Construction Education dari Negara China bersama Politeknik Sultan Azlan Shah, Politeknik Kuching Sarawak dan politeknik Sultan Idris Shah dari Malaysia yang bertempat di Guizhou China pada 19 – 25 Ogos 2024.

Penganjuran program ini adalah bertujuan untuk menggalakkan pembangunan bersama bagi Pendidikan vokasional, mempertingkatkan pertukaran dan meningkatkan kemahiran professional antara pensyarah dan pelajar, mengasuh bakat bertaraf antarabangsa, integrasi industri pendidikan dan inovasi antara China dengan negara ASEAN. Antara objektif utama program ini adalah menyediakan platform untuk pertukaran pelajar antara China dengan negara ASEAN, mengukuhkan kerjasama dalam bidang Pendidikan TVET antara China dengan negara ASEAN, menguatkan hubungan budaya dan pendidikan yang ketara di bawah inisiatif "Belt and Road".

Pertandingan BIM ini telah disertai oleh seramai 6 orang pelajar JKA, PSAS dan pencapaiannya adalah seperti dalam Jadual 1. Pada masa yang sama, Letter of Intent (LOI) telah dimeterai antara Politeknik Sultan Azlan Shah, Malaysia dengan Guizhou Polytechnic of Construction, China dalam bidang latihan kemahiran untuk pelajar dan staf, pertukaran budaya, penyelidikan dan inovasi, pertandingan kemahiran dan juga bidang-bidang lain melalui perbincangan bersama.



TEMPAT KEDUA :
MOHAMAD IZZUL AMRI BIN ROSLII



TEMPAT KETIGA :
NURAI SYAH BINTI MOHAMAD LATPI BAHRI
NUR ATHIRAH NABIHAH BINTI MOHD FATHLI
ADAM BIN MOHD ZAIDI



Secara keseluruhannya, program ini telah Berjaya mewujudkan satu jaringan kolaborasi antarabangsa antara Malaysia dan China dengan hasrat untuk pertukaran maklumat yang berkaitan dengan Pendidikan TVET dan juga mempelajari teknologi yang terkini dalam bidang pembinaan bangunan.

PROGRAM MOBILITI PELAJAR DAN PENSYARAH POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH KE POLITEKNIK KUTARAJA DAN UNIVERSITAS MUHAMMADIYAH ACEH

Oleh : Ernisuhani Binti Mohamad Zamri @ Zam



Program Mobiliti Pelajar Dan Pensyarah Politeknik Sultan Azlan Shah Ke Politeknik Kutaraja Dan Universitas Muhammadiyah Aceh telah dilaksanakan pada 17 Julai 2024 – 21 Julai 2024. Program ini disertai oleh 16 orang kakitangan PSAS dan 2 orang pelajar PSAS. Delegasi PSAS ini terdiri daripada Pengarah, Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik), 9 orang pensyarah dan seorang pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam, seorang pensyarah Jabatan Pengajian Am, 2 orang pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, 2 orang pegawai dari Unit Peperiksaan dan HEP serta seorang pelajar Jabatan Perdagangan.



Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada pelajar dan pensyarah berkaitan perkembangan pendidikan tinggi di luar negara iaitu di Universitas Muhammadiyah Aceh dan Politeknik Kutaraja. Selain itu, aktiviti lain turut dijalankan iaitu sesi perkongsian ilmu dan aktiviti Corporate Social Responsibility (CSR) di LKSA Rumah Penyantun Muhammadiyah Aceh dan Pesantren Baitul Arqam, Aceh Besar serta aktiviti penandaarasan di Fakultas Teknik, Universitas Muhammadiyah Aceh.

Melalui program ini, hubungan dua hala dan jalinan kerjasama antara dua buah negara dapat dikukuhkan iaitu dari aspek pembelajaran, pengurusan dan kesukarelawan.



BENGGKEL NOTE MAKING, NOTE TAKING & READING SKILLS PROGRAM DPB & DUB

Oleh : Siti Janariah Binti Jantan



Program ini merupakan CQI kepada semua pelajar DPB dan pelajar DUB1A. Bagi pelajar program DPB, program ini adalah kesinambungan dari analisis pencapaian PLORR pada sesi lepas yang perlu diambil perhatian. Manakala bagi pelajar program DUB, program ini merupakan satu Langkah yang mereka ambil bagi mengelakkan analisis pencapaian PLORR program mencapai target yang telah ditetapkan.

Secara khususnya, program ini bertujuan untuk membimbing pelajar dalam meningkatkan pencapaian akademik. Pelajar akan dibimbing dari segi Teknik pembelajaran, Teknik mengambil nota dan kaedah pembacaan nota bagi kursus teori yang terlibat. Kursus ini diharap akan dapat membantu pelajar untuk lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan akhir. Bengkel ini diharapkan juga akan dapat memberi impak positif kepada pencapaian Program Learning Outcome bagi Sesi 2 2023/2024..



CSR PROGRAM DIPLOMA KEJURUTERAAN PERKHIDMATAN BANGUNAN BERSAMA BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT SLIM RIVER

Oleh : Siti Janariah binti Jantan

Program ini amatlah penting kerana ia dapat menyokong pembangunan modal insan khususnya pelajar program DPB Politeknik Sultan Azlan Shah . Selain itu ia merupakan satu komitmen tanggungjawab sosial yang perlu di tanam di dalam pemikiran para pelajar. Program CSR ini berkait secara langsung dengan kursus yang pelajar pelajari iaitu DCB40142 Fire Protection System. Dengan itu, pemilihan Balai Bomba dan Penyelamat Slim River adalah bertepatan kerana pelajar akan mempelajari tatacara pemeriksaan pili bomba dan kaedah penyelenggaraan pili bomba.



LAWATAN AKADEMIK KE LOJI KUMBAHAN BANDAR TUN RAZAK, KUALA LUMPUR

Oleh : Raja Norazilla binti Raja Yunus



Program Lawatan Akademik ke Loji Kumbahan IWK, Bandar Tun Razak Kuala Lumpur., Selangor ini adalah untuk memperkasakan pengetahuan pelajar dalam bidang kejuruteraan dengan pendedahan terus daripada pihak industri. Melalui program ini, pelajar akan dapat menambah pengetahuan berkaitan bidang Rawatan kumbahan yang di uruskan oleh IWK SDN BHD. Program ini dikhaskan kepada pelajar di Jabatan Kejuruteraan Awam yang mengambil Kursus DCC 40152 Water Supply And Wastewater Engineering. Lawatan ini juga merupakan satu aktiviti setiap semester sebagai pendedahan secara langsung kepada pelajar tentang rawatan kumbahan, pelupusan enapcemar dan cara pengurusan air sisa dengan bijak.



PSAS GO GREEN 2024 GREEN TREASURE RACE

Oleh : Siti Sara Blnti Yacob@Zubir



PROGRAM GREEN TREASURE RACE adalah salah satu aktiviti yang dirancang sempena penganjuran PSAS GO GREEN 2024. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran di kalangan masyarakat dan terutama sekali generasi muda tentang pengurusan sisa pepejal, perlindungan alam sekitar dan kelestariannya. Program ini melibatkan pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah dan juga pelajar dari institusi luar. Aktiviti ini juga sekaligus memupuk tabiat dan amalan mengasingkan sisa pepejal dan mempromosikan konsep Kurangkan, Guna Semula, Kitar Semula (3R) dengan cara yang menyeronokkan. Secara kesimpulannya, penganjuran Program Green Treasure Race ini adalah telah berjaya mendokong matlamat PT1 : MEMBERI LATIHAN DAN KESEDARAN TERHADAP PENGURUSAN ALAM SEKITAR DAN LANDSKAP serta menerapkan kepentingan pengurusan landskap dan alam sekitar di kalangan pelajar dan kakitangan PSAS.



PERTANDINGAN KEMAHIRAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (PolyCCSkills)

Oleh : Hidanah Binti Mohamad Yunus



Pertandingan kemahiran PolyCCSkills dianjurkan oleh Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dengan kerjasama Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Perak untuk memilih wakil pelajar politeknik dan kolej komuniti yang berpotensi untuk mewakili Politeknik Malaysia ke pertandingan ASEAN Skills Competition (ASC) dan World Skills Competition (WSC). Pertandingan PolyCCSkills Bidang Bricklying telah berlangsung di Politeknik Ungku Omar (PUO) pada 1 Julai hingga 4 Julai 2024. Sebanyak 14 penyertaan pelajar dari pelbagai institusi terlibat. Pelajar Ahmad Aiman Haiqal Bin Ahmad Azizi dari program Diploma Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Awam telah mewakili Politeknik Sultan Azlan Shah bagi menyertai pertandingan PolyCCSkills bidang Bricklying di PUO.



PROGRAM OUTREACH KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT) @ SELANGOR 2024

Oleh : Nurfarhanna Binti Ibrahim



Pelaksanaan Aktiviti csr oleh pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah Jabatan Kejuruteraan Awam bagi Program Diploma Perkhidmatan Bangunan (DPB) bersama UTHM dan UPSI seperti membuat penyelenggaraan penyaman udara di sekitar Masjid Al-Ubudiah, Pekan Kerling.



CSR KESEDARAN DAN INSPIRASI LINDUNGI ALAM SEKITAR

Oleh : Fitriyah Binti Mohd Roslan

Program CSR Kesedaran Dan Inspirasi Lindungi Alam Sekitar ini telah dilaksanakan pada 14 Mei 2024 di Pusat Konservasi Hidupan Liar, Sungkai Perak. Program ini dianjurkan oleh Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Azlan Shah dengan kerjasama Pertubuhan Konservasi Alam Malaysia. Selain daripada staf dan pelajar Jabatan Perdagangan yang terlibat dengan program ini, ia juga turut melibatkan 14 orang pelajar DUB4A dan 2 orang staf dari Jabatan Kejuruteraan Awam.



Pelbagai aktiviti seperti pembersihan kawasan sekitar dan memberi makan kepada haiwan telah dilaksanakan ini dapat memberikan pendedahan kepada staf dan pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah tentang perlunya dalam menjaga dan memelihara haiwan dan alam sekitar. Selain itu, ia dapat memberi kesedaran dan pendedahan kepada peserta tentang pentingnya untuk menjaga dan memelihara alam sekitar agar berada dalam keadaan yang baik.

Penerapan berkenaan kelestarian alam ini turut diterapkan dalam kursus DUG30023 Green Technology Compliance dimana para pelajar akan diajar berkenaan asas teknologi hijau, amalan dan pematuhan hijau kearah kehidupan yang lebih mampan. Pelajar juga akan didedahkan berkenaan bidang-bidang lain di mana teknologi hijau boleh diaplikasikan seperti tenaga, pengangkutan, bangunan, air dan pengurusan sisa.




CONSTRUCTION MATERIAL USED IN SLOPE MAINTENANCE WORKS

DCC10032 CIVIL ENGINEERING MATERIALS

Oleh : Hidanah Binti Mohd Yunus



Program PPI Construction Material Used in Slope Maintenance Works ini merupakan satu kursus pendedahan kepada pelajar-pelajar semester 1 yang mengikuti program Diploma Kejuruteraan Awam di PSAS yang mengambil kursus DCC10032 Civil Engineering Materials bagi memperkasakan pengetahuan pelajar dalam bidang kejuruteraan awam dengan pendedahan terus daripada pihak industri. Melalui program ini, pelajar akan dapat menambah pengetahuan berkaitan bahan-bahan binaan kejuruteraan awam yang terkini dan digunakan di industri pembinaan pembaikan cerun.



HARI INOVASI PPAL 4.0 UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Oleh : Hidanah Binti Yunus

Tahniah kepada tiga orang pelajar Muhammad Asyraf Hakimie Kamarulzaman, Danish Nurais Okisha Bin Mohammad Ansori dan Muhammad Syahmi Syazwan Bin Khirul Azuan dari program DKA Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Sultan Azlan Shah telah berjaya menyertai dan memenangi dua anugerah emas dan satu anugerah gangsa dalam pertandingan inovasi produk sempena Hari Inovasi PPAL 4.0 anjuran Universiti Malaysia Terengganu.



Pertandingan ini berlangsung pada 23 Oktober 2024 secara dalam talian. Pelajar-pelajar telah mempertandingkan produk inovasi bertajuk topik keselamatan pintar dengan kolaborasi syarikat pembinaan cerun di Malaysia. Pertandingan inovasi ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan peluang kepada pelajar untuk menyumbang idea inovasi produk untuk dipertandingkan ke peringkat lebih tinggi bagi menimba pengalaman luar dalam penyertaan pertandingan inovasi produk bersama institusi pendidikan yang lain.



PROJEK PENYELENGGARAAN TANDA KELUAR KECEMASAN BAGI PROGRAM AUTHENTIC LEARNING DIPLOMA KEJURUTERAAN PERKHIDMATAN BANGUNAN

Oleh : Noraimi Binti Ahmad

Kursus DCB40132 Building Services Practical 1 merupakan salah satu kursus yang terdapat di dalam Program Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan. Kursus ini mempunyai 2 amali utama iaitu Sistem Pencegahan Kebakaran dan Sistem Penyamanan Udara. Di dalam amali Sistem Pencegahan Kebakaran terdapat 4 amali yang mana salah satunya adalah penyelenggaraan sistem pasif. Sistem pasif yang dipilih adalah Lampu Keluar Kecemasan



Selain itu, program ini diadakan bertujuan untuk memastikan lampu keluar dapat berfungsi dengan baik. Dengan inisiatif ini, Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) dengan dibantu oleh Pihak Unit Pembangunan dan Selenggaraan (UPS) dan bersama pelajar Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan, JKA akan bekerjasama bagi memastikan lampu keluar kecemasan dapat berfungsi. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk mendekatkan jurang di antara pelajar dengan pensyarah serta kakitangan sokongan selain untuk mempraktikkan ilmu pengetahuan yang ada.



↳ CSR SG KEDONDONG, BATANG KALI SELANGOR

Oleh : Nor Afzila Binti Mohamad

Program Khidmat Masyarakat River Clean-up Sg Kedondong, Selangor telah dilaksanakan dan disertai bersama-sama pelajar Program Diploma Ukur Bahan Semester 3 iaitu DUB3B seramai 3 orang pelajar. Program ini berjaya dilaksanakan yang mana dapat mengumpul sampah sarap disekitar sungai tersebut sebanyak 165.6kg. Ini dapat membantu menyelamatkan bumi daripada tercemar. Program ini tidak hanya menumpukan kepada pembersihan sungai tetapi juga melibatkan pemuliharaan alam sekitar dan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan menjaga kebersihan sungai. Objektif program ini adalah untuk memupuk kesedaran kepada pelajar-pelajar bersama komuniti setempat betapa pentingnya untuk menjaga alam sekitar dari terus dicemari. Program ini telah dianjurkan oleh pihak NGO bersama Majlis Perbandaran Hulu Selangor untuk memberi impak positif yang besar terhadap alam sekitar dan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang tanggungjawab bersama dalam menjaga kebersihan sumber air. Disamping itu juga, program ini dapat memupuk kolaborasi yang baik antara pihak politeknik bersama masyarakat setempat.



INTRODUCTION TO CONSTRUCTION TECHNOLOGY

Oleh : Zazurah Binti Mat Zuini



Program Introduction To Construction Technology merupakan program yang dilaksanakan untuk pelajar semester 2 dan semester 3 bagi Program Diploma Ukur Bahan, Jabatan Kejuruteraan Awam, PSAS. Ia disampaikan oleh Sr. Dr. Norsyakhil Romeli, Professional QS, Manager RMKQS Perlis. Ia menjurus kepada teknologi dalam pembinaan masa kini untuk kursus DCQ20093 Construction Technology 2 dan DCQ30093 Construction Technology 3. Program ini telah dilaksanakan di Dewan Titanium, ULPL, PSAS. Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan pelajar mengenai konsep dan kaedah teknologi pembinaan bangunan pada masa kini. Disamping itu ianya bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan kemahiran komunikasi yang berkesan dalam situasi bekerja secara berpasukan bagi sebarang pelaksanaan aktiviti yang dijalankan di tapak bina dan memberi pendedahan dalam pematuhan nilai kemahiran keusahawanan melalui teknologi pembinaan.

BENGGKEL CQI PENULISAN LAPORAN TEKNIKAL & KEMAHIRAN KOMUNIKASI UNTUK KURSUS DUT600610 ENGINEERING INDUSTRIAL

Hidanah Binti Mohd Yunus

Jabatan Kejuruteraan Awam Politeknik Sultan Azlan Shah menganjurkan bengkel penulisan laporan teknikal & kemahiran komunikasi untuk pelajar-pelajar semester 5 program Diploma Kejuruteraan Awam, Diploma Perkhidmatan Bangunan dan Diploma Ukur Bahan sebagai persediaan menjalani latihan industri pada semester akhir. Bengkel ini perlu diadakan bagi memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar JKA bagi perkongsian ilmu mengenai teknik penulisan laporan teknikal dan cara komunikasi secara efektif untuk meningkatkan kualiti berterusan (CQI) bagi kursus latihan industri JKA.




KURSUS REKABENTUK SISTEM PENYAMANAN UDARA DALAM BANGUNAN

Oleh : Aryuziyanti Binti Mohd Nor

Kursus Rekabentuk Sistem Penyamanan Udara yang ditawarkan kepada pensyarah bertujuan untuk memperkukuhkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang sistem penyamanan udara (HVAC). Dengan kerjasama yang erat bersama pakar industri, kursus ini memberikan platform bagi pensyarah untuk memahami perkembangan terkini dalam teknologi HVAC serta mengaplikasikannya dalam pengajaran. Salah satu sumbangan penting dalam kursus ini ialah dari Ir. Muhd Suhaimi Deris dari Bumimaju MTE Eng Sdn Bhd, yang memainkan peranan sebagai penceramah utama, menyumbangkan kepakaran beliau dalam rekabentuk sistem penyamanan udara berasaskan standard industri yang terkini.

Kursus ini meliputi beberapa aspek penting seperti pengiraan beban haba, pemilihan komponen sistem yang sesuai, serta penerapan amalan terbaik dalam rekabentuk penyaman udara yang cekap tenaga. Dengan bimbingan dari Ir. Muhd Suhaimi, para pensyarah bukan sahaja berpeluang mempelajari teori dan prinsip asas, tetapi juga memahami cabaran praktikal yang dihadapi dalam industri.



QS CAMP 2024 DIPLOMA UKUR BAHAN

Oleh : NUR QIAM FARHANA ADNAN

Program ini dianjurkan bagi mencapai objektif program iaitu keperluan untuk persediaan QS Project berkaitan kandungan dokumen tender. Secara keseluruhannya program ini telah berjaya dilaksanakan mengikut tempoh masa yang dirancang. Selain itu, program ini telah berkesan dalam memberi pandangan awal tentang dokumen tender yang akan dilaksanakan pada semester hadapan. Kefahaman pelajar juga makin meningkat selepas menghadiri program ini. Di samping itu, program ini menyediakan kandungan yang berkualiti dan relevan dengan bidang. Program ini juga sangat membantu pelajar dalam halatuju bidang ukur bagi projek akhir. Program ini amat membantu pelajar dalam mendapatkan pendedahan sebenar terhadap penyediaan dokumen tender secara amnya secara tidak langsung memberi motivasi untuk menyiapkan projek akhir dengan lebih berkeyakinan. Penceramah jemputan merupakan alumni PSAS iaitu En Muhammad Shahmizul bin Muhammad Salleh dari JKR Malaysia.



INTERNATIONAL HIGHEST EARLY STRENGTH ECO-GREEN CONCRETE CUBE COMPETITION 2024 (I-HESEGC 2024)

Oleh : Fauziah Binti Aziz

Penganjuran program International Highest Early Strength Eco-Green Concrete Cube Competition 2024 (I-Hesegc 2024) merupakan suatu aktiviti pertandingan akademik yang dianjurkan bertujuan untuk meningkatkan daya inovasi, pemahaman dan pengalaman pelajar dalam menghasilkan bancuhan konkrit yang lebih mesra alam. Selain itu, penglibatan dalam aktiviti ini mampu memberi ruang dan peluang kepada para pelajar untuk menunjukkan kemahiran masing-masing dalam menghasilkan bancuhan konkrit dalam tempoh persaingan yang telah ditetapkan. Disamping itu, platform penganjuran aktiviti ini mampu memberikan pengalaman baru kepada pelajar dengan adanya penglibatan daripada pihak industri untuk slot perkongsian kepakaran.



PROJEK PEMBINAAN RAINWATER HARVESTING SYSTEM

Oleh : Marshitah Muhamad

